

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN 1987  
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 28-12-1987

Yang Berbahagia Tan Sri General Abdul Hamid Bidin, Yang di-Pertua Persatuan Bekas Perajurit Malaysia;

Dif-dif Kehormat; Yang Berbahagia Para Dermawan;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tahun 1987 akan berakhir 4 hari lagi. Amatlah bahagia dan suatu rahmat besar bagi Persatuan Bekas Perajurit Malaysia mengakhiri tahun ini dengan menerima derma yang ikhlas daripada penderma-penderma. Adalah juga baiknya upacara seperti ini dilakukan di akhir tahun kerana kemungkinan ada beberapa pihak yang perlu mendermakan saki-baki peruntukan khas mereka bagi menderma kepada pihak yang tertentu sebelum akaun kewangan masing-masing ditutup.

2. Namun begitu, penderma-penderma kepada Rayuan Hari Pahlawan pada petang ini adalah terdiri daripada rakan-rakan setia Persatuan ini yang menghulurkan derma setiap tahun.

Sebagai Penaung Rayuan Hari Pahlawan, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada penderma-penderma yang budiman atas sokongan penuh mereka pada tahun ini dan pada tahun-tahun yang lalu. Kesedaran dan kenangan tuan-tuan terhadap usaha-usaha Persatuan ini membantu ahli-ahlinya yang memerlukan bantuan hidup serta balu-balu dan keluarga yang telah terkorban, amatlah dipuji dan disanjung tinggi.

3. Saya penuh yakin dan daripada laporan Tan Sri Yang di-Pertua Persatuan sebentar tadi, segala kutipan wang dan derma daripada orang ramai untuk Tabung Rayuan Hari Pahlawan akan diselenggarakan mengikut tujuan kutipan itu dengan cekat, bersih dan beramanah. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada orang ramai di peringkat negeri-negeri yang turut sama menderma setiap tahun kepada Persatuan Bekas Perajurit negeri dan ucapan tahniah kepada Persatuan di peringkat negeri atas kejayaan mereka mengutip derma yang banyak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Saya juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri General selaku Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Persatuan atas ketekunan usaha mereka menguruskan pentadbiran mengenai Rayuan Hari Pahlawan ini daripada mula kutipannya sehinggalah kepada pembahagiannya.

5. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Penderma yang bermurah hati pada petang ini dan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wataala menambahkan rezeki yang berlipat ganda lagi menjelang tahun 1988 serta mencapai kejayaan yang cemerlang dalam usaha masing-masing.

6. Semoga tahun baru 1988 membawa kepada kita, rakyat Malaysia, kebahagiaan, kesejahteraan dan kehidupan aman damai sambil mendoakan keselamatan dan perlindungan Tuhan bagi perajurit-perajurit kita yang bertugas merata rantau di negara kita ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.